

17/03/2003

'Pemegang unit mesti faham konsep risiko, pulangan'

Abdul Halim Yusoff

ARUS globalisasi dan penggabungan di alaf baru akan terus mempengaruhi dunia perniagaan dan pelaburan melalui peningkatan saingan yang lebih berdaya saing dan lebih kompleks, sekali gus memerlukan Permodalan Nasional Bhd (PNB) melaksanakan perancangan strategik dan teliti bagi mengukuhkan kedudukannya untuk sentiasa berada di depan.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Datuk Hamad Kama Piah Che Othman, berkata faktor luaran akan sentiasa membentangkan cabaran kepada PNB untuk menyesuaikan dengan keadaan dan mengatur strategi bagi menghadapinya.

"Bagaimanapun, selain mengekalkan keyakinan dan kepercayaan pemegang unit, cabaran sebenar adalah mendidik pemegang unit amanah yang dikendalikan PNB mengenai konsep risiko dan pulangan yang boleh diperoleh daripada pelaburan mereka," katanya dalam satu pertemuan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Hamad Kama Piah yang menjadi tonggak pengurusan PNB sejak lima tahun lalu, berkata sebelum beliau menjadi Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, isu yang dihadapi pengurus dana adalah menggembleng dana dan menggalakkan Bumiputera melabur dengan membeli unit amanah bagi meningkatkan penyertaan ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat tempatan.

Bagaimanapun, katanya, isu sekarang adalah mendedahkan kepada pemegang unit mengenai konsep risiko dan pulangan. Pulangan daripada pelaburan seharusnya dijangkakan berdasarkan risiko yang ditanggung dan keadaan pasaran semasa.

Selepas 25 tahun beroperasi, PNB yang penubuhannya disasarkan mengumpulkan pelaburan Bumiputera bagi membeli ekuiti korporat tempatan, sedikit sebanyak sudah mencapai matlamat itu.

"Kami tidak akan berputus asa berusaha mengubah sikap Bumiputera untuk melabur dan tindakan semasa yang kami ambil ialah meneruskan langkah pendidikan, pelaburan untuk jangka panjang," katanya.

Ditanya pandangan beliau sejauh mana kejayaan PNB selepas 25 tahun, beliau berkata, rekod pencapaian yang diperoleh PNB setakat ini sepatutnya berupaya memperjelaskan sendiri kejayaannya selaras dengan matlamat penubuhannya.

"Terserah kepada anda untuk menilai. Pelabur dan pemegang unit yang akan menilai sama ada kami berjaya atau sebaliknya. Tetapi penilaian dan perbandingan biarlah wajar. Jika pembayaran agihan pendapatan hendak dijadikan contoh, bayaran tinggi dibuat ketika pasaran saham amat cergas, sementara sejak beberapa tahun kebelakangan ini keadaan pasaran sama sekali jauh berbeza," katanya.

Sehubungan itu, katanya, PNB sentiasa meningkatkan aspek pendidikan mengenai pelaburan jangka panjang termasuk aspek perancangan kewangan untuk masa depan kepada pelabur unit amanahnya. Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) dan pelbagai siri seminar perancangan kewangan (FP) diadakan di pelbagai lokasi dari semasa ke semasa.

Tahun lalu, katanya, seminar FP diadakan di lebih 150 lokasi. Konsep FP sangat penting kepada pelabur kerana dengan mengamalkan perancangan kewangan secara teliti, membolehkan pelabur merancang hasil yang bakal diterima sebagai memenuhi keperluan mereka, sama ada untuk persaraan, pelajaran anak-anak dan perubatan.

Sementara Minggu Saham Amanah Malaysia, yang mula dianjurkan PNB sejak tahun 2000 kini sudah menjadi acara tahunan. Program yang dilancarkan

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 20 April 2000 itu, cukup berguna kepada masyarakat di negara ini. Tarikh itu diambil bagi memperingati tarikh saham amanah pertama PNB, iaitu Sekim Amanah Saham Nasional (ASN) yang dilancarkan pada 20 April 1981. MSAM sudah dianjurkan di Kota Bahru, Kelantan dan tahun lalu di Alor Setar, Kedah manakala tahun ini ia akan diadakan di Kuala Lumpur. MSAM adalah satu-satunya acara minggu saham amanah seumpamanya di dunia.

MSAM bertujuan memasyarakatkan pendidikan pelaburan dengan cara mendekati orang ramai dan pelbagai aktiviti diadakan seperti pameran disertai syarikat pelaburan PNB, badan kawal selia dan syarikat pengurus unit amanah. Selain itu, Pertandingan Esei Saham Amanah kategori sekolah menengah/IPA/IPTS/umum, Kuiz Pelaburan kategori sekolah menengah/universiti serta Seminar Instrumen Kewangan dan Pengurusan Aset Terkini turut diadakan.

Pendidikan pelaburan jangka panjang PNB yang strategik menyokong matlamat negara untuk melahirkan masyarakat k-ekonomi berteraskan pelaburan. Di peringkat akar umbi, program pendidikan itu menyemat minat berterusan terhadap matematik dan pelaburan.

Di peringkat industri pula, PNB menubuhkan Institut Pelaburan PNB dengan usaha sama Institut Pendidikan Sekuriti Australia bagi melahirkan dan melatih profesional dalam bidang kewangan dan pelaburan. PNB juga menubuhkan Yayasan Tun Ismail Mohamed Ali bertujuan menaja kursi profesorial di universiti utama negara bagi menyokong usaha penyelidikan ilmiah dalam bidang ekonomi, kewangan dan perundangan.

Yayasan itu dinamakan bersempena nama Pengerusi pertama PNB, Tun Ismail Mohamed Ali sebagai menghargai jasa dan sumbangannya kepada bangsa dan negara. Yayasan itu juga menaja pelajar yang mencapai keputusan akademik cemerlang untuk melanjutkan pengajian dalam bidang ekonomi, kewangan dan undang-undang di universiti ternama di luar negara.

PNB sebagai pengurus dana terbesar di Asia Tenggara dengan dana di bawah pengurusan bernilai lebih RM40 bilion, tetap tidak dapat mengelak daripada cabaran luaran. Justeru, PNB perlu menggunakan peluang daripada perkembangan pesat informasi teknologi maklumat. PNB juga akan melaksanakan program pendidikan pelaburan yang berterusan dan bersepadu, memperkenalkan produk inovatif, meneruskan perkhidmatan berdaya saing, mengekalkan prestasi dan kecemerlangan berterusan dan meningkatkan reputasinya sebagai institusi pelaburan yang ulung dan pilihan pelabur bijak.